

CNS5461

R PB 20-02 00188 BCL35

Bah

Najib - Usno

PERTEMUAN UNTUK BERI SOKONGAN KEPADA BN

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Perlemuan anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Usno dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dilaporkan akan diadakan hari ini, bertujuan menyatakan sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN), kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Saya difahamkan bahawa mereka akan memberikan pengakuan kepada Perdana Menteri bahawa mereka tidak berhasrat bergabung dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk membentuk kerajaan campuran di negeri itu," katanya kepada pemberita di stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Sungai Besi di sini hari ini.

Najib, yang juga Ketua Pemuda Umno, berkata ketetapan 11 anggota dewan undangan negeri Usno itu untuk terus bersama-sama dengan BN dimaklumkan kepadanya semasa beliau melawat Sabah baru-baru ini dan juga semasa mereka melawat ke sini.

"Kita mengalu-alukan ketetapan ini...Umno sememangnya ingin bekerjasama erat dengan wakil rakyat Usno," katanya.

Laporan muka depan sebuah akhbar hari ini menyatakan kesemua 11 anggota dewan undangan negeri itu telah dipanggil untuk bertemu Dr Mahathir bagi menjelaskan pendirian mereka terhadap ura-ura pembentukan kerajaan campuran antara Usno dan PBS. -- Lagi

■ 20/02/12-15MSTP

120/02/13-46MST
R PB 20-02 00133 BC136

Bah

Najib - Usno 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir pagi ini melancarkan perkhidmatan sewa helikopter untuk penumpang dan kargo syarikat "Mofaz Air" di stesen TUDM itu sebelum berlepas ke Kedah untuk merasmikan kilang baru Perwaja Steel di Gurun.

Najib berkata beliau yakin dengan keikhlasan anggota-anggota dewan undangan negeri Usno itu untuk terus menyokong BN.

"Mereka sudah cukup yakin bahawa masa depan mereka ialah dengan BN dan bukan dengan PBS," katanya.

Selain Umno dan Usno, parti-parti komponen BN di Sabah ialah Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR), Parti Liberal Demokratik (LDP) dan MCA.

PBS keluar dari BN secara mengejut beberapa hari menjelang pilihan raya umum 1990. Bagaimanapun ketika PBS berada dalam BN dan memerintah Sabah sejak 1985, Usno merupakan parti pembangkang di negeri itu. -- Lagi

▼20/02/13-46MST

R PB 20-02 00084 BC137

Bah

Najib - Usno 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Najib berkata adalah lebih baik bagi Usno terus berada dalam BN tetapi berharap parti itu tidak mengenakan "syarat-syarat yang sukar diterima oleh BN".

"Pada hakikatnya mereka bersama-sama dengan Umno, cuma dari segi teknikal mereka tidak boleh meninggalkan Usno kerana ini akan menyebabkan pilihan raya kecil diadakan," katanya.

Undang-undang negeri itu melarang seseorang yang memenangi pilihan raya negeri dan menjadi anggota dewan undangan negeri daripada bertukar parti.

-- Bernama

▼20/02/13-47MST

R PB 20-02 00104 BH980

Bah

Najib - Usno 4 Kuala Lumpur (sambungan berita terdahulu)

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula berkata Usno perlu berwaspada terhadap strategi PBS untuk memecah-belahkan perpaduan orang Melayu di Sabah.

"Ini semua permainan politik PBS. Saya harap Usno tidak akan terjerat dengan perangkap strategi PBS ini," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi Kuwait Ahmed Abdullah Al Rabe di pejabatnya.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno, berkata perpaduan Umno Sabah dengan Usno akan tetap kekal kerana mereka tahu hanya BN mampu memberikan masa depan yang cerah kepada negeri itu. -- Bernama

▼20/02/13-58MST